

18 FEB 1998

DR MAHATHIR & PM THAI AKAN SAKSI PEMETERAIAN PEMASANGAN SALURAN PAIP GAS

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thai, Chuan Leekpai dijangka menyaksikan majlis menanda tangani perjanjian pemasangan saluran paip gas di Songkhla di selatan Thailand bulan depan.

Menteri Luar Thai Surin Pitsuwan berkata permeterian perjanjian bagi projek usaha sama itu adalah antara Petronas dan Pihak Berkuasa Petroleum dari Thailand.

"Perjanjian itu akan dimeterai di Songkhla tidak lama lagi, mungkin bulan depan dan kami mengandaikan kedua-dua perdana menteri akan berada di sana menyaksikannya," katanya.

Songkhla akan menjadi pusat permulaan bagi saluran paip gas yang akan dibina dari Songkhla-Pattani Narathiwat menuju ke pantai barat Semenanjung Malaysia, menghubungkan sistem saluran paip Koridor Pantai Timur.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas pertemuan dengan rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya di sini hari ini di mana kedua-duanya membincangkan isu-isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Surin, yang menjadi menteri luar pada November lalu dijangka menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim esok serta menyampaikan ucapan kepada ketua-ketua industri Malaysia di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM).

"Sebaik sahaja perjanjian mengenai saluran paip gas dimeterai (kumpulan-kumpulan itu) akan memulakan pengeluaran dengan segera. Ia akan menggalakkan pembangunan bagi kedua-dua Thailand dan Malaysia," katanya.

Ketika perbincangan yang mengambil masa lebih sejam itu, kedua-dua menteri itu juga membincangkan mengenai projek di Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), di mana kedua-dua Surin dan Badawi bersetuju terdapat potensi bagi mengadakan projek yang besar.

Bagaimanapun, Surin berkata "kedua-dua kerajaan (Malaysia dan Thailand) mahu meneruskan pada kadar keadaan ekonomi ketika ini membolehkan."

Kedua-duanya juga membincangkan mengenai cara-cara untuk membangunkan sumber manusia di kawasan sempadan kedua-dua negara bagi membolehkan penduduk yang tinggal di kawasan itu memperoleh faedah maksimum daripada projek pembangunan dalam "segitiga pertumbuhan".

"Idea untuk membangunkan sumber manusia di kawasan itu adalah untuk menjadikan penduduk mampu menyertai usaha pembangunan kedua-dua negara. Kami tidak mahu mereka ketinggalan dalam sebarang usaha pembangunan," katanya.

Sementara itu, Abdullah menyifatkan pertemuan pertamanya dengan Surin hari ini sebagai berjaya dan perbincangan mereka berpusat kepada sejumlah isu serantau dan juga hubungan dua hala. -- BERNAMA

AA ZK OS